

# PERUMPAMAAN

- Dengar petikan
- Teka perumpamaan yang digambarkan melalui petikan itu
- Tulis jawapan pada papan putih

# seperti anjing dengan kucing

## Petikan 1

Ani dan Azmi dua orang adik-beradik yang sering bertengkar kerana perkara yang remeh-temeh. Ani seorang yang pendiam manakala Azmi pula suka bergurau sehingga Ani mudah tersinggung dengan gurauan Azmi. Walaupun mereka tinggal sebumbung dan sudah menjangkau usia belasan tahun, mereka masih tidak tahu bertolak ansur. Hal ini membuat ibu mereka berasa amat risau melihat gelagat Ani dan Azmi.

# seperti kacang lupakan kulit

## Petikan 2

Zahida seorang pelukis terkenal. Dalam jangka masa dua tahun, nama Zahida dikenali ramai sebagai pelukis muda Singapura. Sebenarnya, kejayaan Zahida tidak akan menjadi kenyataan jika dia tidak dibantu oleh Encik Amin guru lukisnya. Encik Aminlah yang banyak memberinya bantuan, dorongan serta pendedahan pada dunia lukisan. Namun, apabila Zahida diwawancara siapakah pendorong dalam kerjayanya, nama Encik Amin langsung tidak disebutnya.

## seperti katak di bawah tempurung

### Petikan 3

Razali terpinga-pinga apabila diajukan soalan tentang perkembangan dunia kini. Pengetahuannya yang cetek tentang dunia luar mungkin disebabkan dirinya yang tidak pernah keluar dari kampungnya di kawasan pedalaman itu. Akibat tidak mengikuti perkembangan semasa, dia sering disindir rakan-rakannya.

# seperti rusa masuk kampung

## Petikan 4

Pak Abu dan Mak Ani yang baru tiba dari kampung kelihatan hairan dan tercengang-cengang apabila mereka menjejakkan kaki di Kuala Lumpur. Mereka kagum melihat bangunan-bangunan yang tinggi dan keindahan tempat itu. Pak Abu dan Mak Ani turut berasa pelik semasa melihat pintu pengangkutan gerak cepat terbuka dan tertutup dengan sendirinya. Mereka berasa kekok dan janggal kerana inilah kali pertama berada di Kuala Lumpur.

## seperti tikus memperbaiki labu

### Petikan 5

Anuar tidak tahu apa yang harus dilakukan lagi. Sudah berkali-kali ayah mengajarnya cara-cara membetulkan motosikal tuanya itu tetapi dia masih tidak tahu memperbaiki enjin motosikanya. Ayah pasti akan memarahinya kerana bukan sahaja kerosakan enjin motosikalnya itu tidak dapat dibaiki, malahan lebih banyak kerosakan lain yang timbul setelah dia cuba memperbaikinya. Anuar memang tidak mahir membetulkan motosikal.

## seperti kerbau dicucuk hidung

### Petikan 6

Rizal seorang pekerja buruh yang berasal dari Malaysia. Tiap-tiap hari dia akan bekerja sehingga larut malam termasuk hari-hari cuti. Dia sentiasa ditindas oleh majikannya. Dia tidak dapat membantah majikannya yang terkenal zalim di kalangan pekerja-pekerja di situ. Dia mengikut apa sahaja yang diperintahkan oleh majikannya tanpa banyak soal. Bahkan dia terpaksa melakukan pekerjaan-pekerjaan yang bukan kerjanya agar dia tidak dipecat.

## seperti embun di hujung rumput

### Petikan 7

Faridah menangis tersedu-sedan. Hatinya bagaikan dihiris sembilu. Baru setahun dia mendirikan rumah tangga bersama Farid tetapi suaminya tergamak meninggalkan dirinya. Dia tidak dapat menerima kenyataan bahawa suaminya telah mengahwini wanita lain yang jauh lebih muda dan cantik daripada dirinya. Barulah Faridah sedar bahawa kasih sayang suaminya itu tidak kekal sepanjang masa.

## seperti menyiram air di daun keladi

### Petikan 8

Cikgu Suzi seorang guru yang berdedikasi, peka dengan keperluan anak-anak muridnya dan sering mengharapkan yang terbaik untuk mereka. Baru-baru ini, dia berasa kecewa dengan sikap anak muridnya, Alisha. Puas sudah dia menasihati Alisha agar jangan bergaul dengan budak-budak nakal dan beri tumpuan terhadap pelajaran. Namun Alisha hanya memekakkan telinga dan tidak mengendahkan nasihatnya. Pagi tadi, semasa dia mendapat khabar bahawa Alisha telah ditangkap kerana mencuri, dia berasa sedih. Apa sahaja yang telah dilakukan untuk kebaikan Alisha ternyata sia-sia belaka.

## seperti isi dengan kuku

### Petikan 9

Tina dan Tini telah mengenali antara satu sama lain semenjak di bangku sekolah rendah lagi. Kini mereka merupakan rakan sekerja. Mereka saling membantu, berkongsi masalah dan juga rahsia peribadi. Mereka sering kelihatan bersama di mana sahaja. Usia persahabatan mereka hampir menjangkau 20 tahun. Tali persahabatan mereka itu semakin hari semakin erat dan mesra.

## seperti pelanduk dua serupa

### Petikan 10

Makcik Piah telah kehilangan anak tunggalnya akibat kemalangan jalan raya setahun yang lalu. Tiba-tiba Makcik Piah merasakan anaknya itu masih lagi hidup dan kini berada dekat dengannya. Makcik Piah tidak dapat menahan air matanya yang bercucuran. Dia terlalu gembira melihat wajah seorang anak muda yang sedang merawatnya di hospital. Suami makcik Piah juga terpegun melihat wajah doktor muda itu yang saling tidak tumpah dengan wajah anaknya yang sudah tiada.